

## **Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing**

Zaini Nasohah  
[zbn@ukm.edu.my](mailto:zbn@ukm.edu.my)

### **Abstrak**

*Salah satu punca nikah tanpa kebenaran yang dikenal pasti di negara ini ialah nikah melibatkan lelaki warga asing. Undang-undang sedia ada telah menetapkan peraturan tertentu bagi warga asing yang ingin berkahwin dengan wanita tempatan. Namun situasi semasa menunjukkan ia bukan menjadi penghalang yang besar. Berkahwin dengan warga asing tidak menjadi kesalahan dari sudut Hukum Syarak tetapi boleh menjadi salah dari sudut undang-undang keluarga Islam di negara ini jika dilakukan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk. Perkahwinan tanpa kebenaran pihak berkuasa mempunyai implikasi tidak baik bukan sahaja dari sudut undang-undang malah dari sudut sosial. Walaupun undang-undang sedia ada telah memperuntukkan hukuman bagi kes-kes sedemikian namun bilangan kes perkahwinan tanpa kebenaran melibatkan lelaki warga asing terus meningkat seolah-olah bentuk dan jumlah hukuman kini tidak lagi berkesan untuk mendidik, mencegah atau menghalang sebagai mana matlamat asal hukuman itu sendiri. Artikel ini bertujuan mengupas implikasi-implikasi yang dimaksudkan dengan penumpuan kepada prospek hukuman alternatif di Mahkamah Syariah. Kaedah penelitian dokumen dan tekstual digunakan dalam mengumpul data yang berkaitan untuk menghasilkan rumusan. Hasil penelitian mendapati, ruang bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan perintah hukuman alternatif bagi kes-kes matrimoni itu wujud tetapi tidak dinyatakan dengan jelas. Ruang peruntukan sedia ada bagi hukuman alternatif kelihatan lebih nyata untuk kes-kes kesalahan berkaitan moral, akidah, kesalahan kali pertama dan kesalahan oleh pesalah muda.*

### **1. Pengenalan**

Isu perkahwinan tanpa kebenaran dengan lelaki warga asing bukanlah suatu isu baharu. Ada yang melihatnya sebagai isu undang-undang dan sebahagian lagi pula mengaitkannya dengan isu sosial dan keselamatan. Perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar sama ada melibatkan warga tempatan mahupun warga asing mempunyai kesan dari sudut undang-undang dan kesan dari sudut sosial masing-masing. Namun perkahwinan perkahwinan tanpa kebenaran dengan lelaki warga asing dilihat mempunyai implikasi yang lebih besar. Kesan rantaian dari perkahwinan sedemikian tidak sekadar kepada wanita warga tempatan yang terlibat tetapi juga anak yang mungkin bakal lahir hasil dari ikatan yang terjalin. Justeru perkara ini memerlukan perhatian lebih serius pihak berkuasa. Antara pendekatan yang dilihat boleh dilakukan ialah dengan mencari kaedah hukuman yang lebih berkesan. Hukuman itu pula bukan sekadar meninggalkan kepada budi bicara hakim untuk menentukannya, namun perlu kepada panduan peruntukan jelas agar hakim atau Mahkamah Syariah sendiri ada keyakinan untuk mencuba dan melaksanakannya tanpa rasa bimbang dicabar dari sudut perundangan.

## 2. Fenomena Perkahwinan Tanpa Kebenaran dengan Lelaki Warga Asing

Perkahwinan tanpa kebenaran bermaksud perkahwinan yang biasanya disempurnakan oleh Wali Hakim di negeri lain dan tidak mengikut Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam. Perkahwinan ini juga tidak mendapat kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim yang berkenaan atau secara lebih khusus Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di mukim di mana pasangan wanita bermastautin. Sebahagiannya pula dilaksanakan secara sindiket lantas diistilahkan sebagai nikah sindiket (Intan Ghulam Khan: 2012). Ada juga yang mengkategorikannya sebagai “kahwin lari” (Mahamad Ariffin: 2007).

Sejak tahun-tahun 1980-an sehingga kini, terdapat ramai warganegara asing yang datang ke Malaysia ataupun warganegara Malaysia ke luar negeri, sama ada kerana melancong, belajar, bekerja atau menjalankan urusan perniagaan. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong hubungan peribadi antara warganegara asing dengan penduduk tempatan. Hasil dari hubungan tersebut, terdapat sebilangan daripada mereka melangsungkan perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran pihak berkuasa agama negeri asal atas pelbagai alasan seperti sedang berada di negeri berkenaan dan tidak sempat balik ke Malaysia, memerlukan kos yang tinggi untuk berulang alik dan juga disebabkan pernikahan dengan warganegara asing tersebut merupakan pernikahan poligami. Selain itu terdapat juga akad perkahwinan yang dijalankan dalam negara tetapi tanpa kebenaran Pendaftar. Misalnya perkahwinan yang disempurnakan oleh wali pihak perempuan sendiri tanpa melibatkan jurunikah luar.

Perkembangan beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa kadar perkahwinan dengan warga asing semakin meningkat. Bagi perkahwinan tanpa kebenaran yang dijalankan di Selatan Thailand umpamanya, sebanyak 23% atau 782 daripada 3,260 perkahwinan membabitkan rakyat Malaysia yang direkodkan di lima daerah wilayah Selatan Thailand sepanjang tahun 2012, membabitkan perkahwinan dengan warga asing. Rakyat Malaysia terbabit dikesan memilih pasangan dari 31 negara asing berlainan, dengan perkahwinan antara rakyat Malaysia dengan Thailand mencatat angka tertinggi iaitu 419 pasangan, diikuti Malaysia-Indonesia (228), Malaysia-Pakistan (45) dan Malaysia-Filipina (18). Selain empat negara itu, rakyat Malaysia turut memilih pasangan yang berasal dari Bangladesh, Kemboja, Afrika Selatan, Nepal, Singapura, Perancis, Nigeria, Korea, Jepun, Afghanistan, Lubnan, Denmark, Amerika Syarikat, Iran, Arab Saudi, Uzbekistan (Berita Harian: 2012). Walaupun pernikahan mereka dilangsungkan secara sah mengikut rukun serta undang-undang ditetapkan Majlis Agama Islam Wilayah berkenaan, namun peningkatan angka itu saban tahun menimbulkan kebimbangan terutama berkaitan status sebenar agama warga asing terbabit.

Perkahwinan sesama rakyat Malaysia di wilayah jiran seperti di Songkhla adalah perkara biasa (Mohd Nasran: 2008). Walaupun angkanya meningkat setiap tahun, namun perkahwinan membabitkan rakyat Malaysia dengan warga asing mula menjadi 'budaya' baru sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Malah, rekod kajian dan temubual yang pernah dijalankan oleh pihak Konsulat Malaysia bersama pasangan terbabit juga mendapati perkahwinan bersama warga asing turut menjadi antara sebab utama rakyat Malaysia memilih untuk bernikah di Thailand.

Puncanya, selain perkahwinan itu dihalang pihak keluarga, ada juga yang memilih melangsungkan pernikahan di Thailand untuk mengelak prosedur yang didakwa rumit yang ditetapkan Majlis Agama Islam negeri masing-masing jika mahu mengahwini warga asing (Berita Harian: 2012).

Bagi negeri Sabah secara khusus misalnya, dari tahun 2000 hingga tahun 2013 sebanyak 19,781 perkahwinan dengan warga asing direkodkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah. Perkahwinan dengan warga asing meningkat dari 399 setahun pada tahun 2000 kepada 2545 pada Oktober 2012. Warga asing yang terlibat pula termasuklah Filipina, Bangladesh, Algeria dan Afganistan (Baharuddin Alwi, 2013). Sebahagian besar dari perkahwinan-perkahwinan tersebut dibuat tanpa kebenaran tetapi kemudiannya telah didaftar setelah melalui prosedur tertentu. Statistik-statistik yang dipaparkan di atas meyakinkan lagi bahawa perkahwinan dengan warga asing bukan lagi suatu yang asing dalam masyarakat sama ada ia dijalankan dengan kebenaran mahupun tanpa kebenaran Pendaftar.

## **2.1 Implikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing**

Perkahwinan tanpa kebenaran dengan lelaki warga asing pada keseluruhannya memberi implikasi yang lebih buruk. Implikasi tersebut boleh dilihat dari aspek berikut:

### **a. Implikasi kepada pihak perempuan dan anak yang mungkin lahir**

Perkahwinan tanpa kebenaran dengan lelaki warga asing memberi implikasi yang amat besar terhadap pasangan baik dari segi undang-undang mahupun sosial. Ia akan lebih ketara jika perkahwinan itu dilanda krisis rumah tangga atau lebih rumit lagi jika berlaku perceraian. Ia kerana perkahwinan tersebut tidak memenuhi peruntukan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang. Perkahwinan yang dilakukan tanpa kebenaran mungkin sah dan mungkin juga boleh jadi tidak sah. Semuanya bergantung kepada sama ada semua rukun dan syarat telah dipatuhi. Semasa peringkat pengesahan di Mahkamah Syariah, sekiranya mahkamah mendapati perkahwinan itu tidak sah, pasangan akan difaragkan (dipisahkan) (Raihanah Azahari: 1997). Apabila pasangan diarahkan berpisah, selain tidak dapat menuntut sebarang hak dalam perkahwinan seperti tuntutan nafkah isteri dan anak-anak, hak penjagaan, tuntutan pusaka sekiranya suami meninggal atau sebagainya, pihak perempuan juga tidak boleh memohon pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah kerana perkahwinan memang tidak wujud dari awal lagi. Kedudukan anak-anak yang lahir hasil daripada perhubungan tersebut juga boleh dipersoalkan kesahannya. Tanpa sijil nikah yang sah kanak-kanak itu tidak dapat didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dengan “bin” kepada ayah yang disangkakan. Ini boleh mengganggu masa depan, kesejahteraan emosi serta kelancaran pendidikan kanak-kanak terbabit. Selain implikasi-implikasi di atas, pihak isteri juga terdedah kepada risiko status sebenar pihak lelaki yang sukar dipastikan disamping risiko ditinggalkan tanpa kepastian apabila suami pulang ke negara asal. Terdapat banyak kes menunjukkan pemalsuan surat perakuan status bujang yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan asing melibatkan warga Indonesia, Bangladesh dan Pakistan.

Pihak berkuasa agama di negara kita sendiri sering menghadapi masalah dalam mengesan pemalsuan tersebut.

#### **b. Implikasi kepada hubungan dalam keluarga**

Salah satu tujuan perkahwinan adalah untuk mengembangkan keluarga dan menambahkan ahli keluarga sedia ada. Ia juga bertujuan mengikat hubungan di antara dua buah keluarga. Perkahwinan tanpa kebenaran melibatkan warga asing boleh berlaku akibat tidak mendapat restu keluarga terutamanya keizinan wali pihak perempuan. Kesan dari konflik tersebut, hubungan antara pasangan tersebut dengan ahli keluarga mereka akan terjejas bahkan terputus langsung kerana tindakan yang diambil oleh pasangan tersebut dianggap telah membelakangi kedua-dua orang tua mereka dan boleh mengaibkan mereka di mata masyarakat. Konflik-konflik sebegini lazimnya memerlukan masa yang panjang untuk dipulihkan.

#### **c. Implikasi kepada masyarakat**

Implikasi perkahwinan tanpa kebenaran kepada masyarakat boleh berlaku apabila masyarakat sendiri terkeliru lantas menganggap undang-undang yang sekarang menyusahkan sehinggakan banyak pasangan memilih berkahwin tanpa kebenaran. Persepsi tersebut tidak mustahil boleh timbul apabila masyarakat melihat dari paparan-paparan media massa bahawa statistik kes perkahwinan tanpa kebenaran yang semakin meningkat saban tahun. Realitinya, undang-undang keluarga yang ada adalah untuk mengemas kini dan memudahkan perkara yang berkaitan dengan urusan nikah, cerai dan rujuk masyarakat Islam di Malaysia. Sebagai contoh, ketidakprihatinan masyarakat terhadap Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan di seluruh negeri di Malaysia menyebabkan ada yang salah anggap bahawa permasalahan wali enggan tidak dapat diselesaikan mengikut prosedur yang sedia ada. Ataupun ada yang beranggapan bahawa prosedur untuk berkahwin dengan warga asing amat sukar sehingga ramai yang memilih melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran.

### **3. Peruntukan Undang-Undang Kini dan Keberkesanan Hukuman**

Perkahwinan menurut undang-undang Islam selain dari satu kontrak sivil ia merupakan satu ibadah. Perkahwinan boleh sahaja diadakan tanpa apa-apa istiadat atau prosedur tertentu. Malahan, ianya tidak memerlukan upacara khas ataupun pegawai tertentu. Di dalam kitab-kitab fiqah juga tidak pernah mensyaratkan supaya perkahwinan itu direkodkan dan didaftarkan sama ada secara rasmi ataupun tidak, malahan tidak disyaratkan untuk ditulis. Sesuatu akad perkahwinan dianggap sah dan mengikat sekiranya telah memenuhi segala rukun dan syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak. Namun sebagai langkah pentadbiran untuk memastikan semua

syarat dipenuhi seterusnya rekod tersimpan bagi tujuan rujukan dan masalah lain, peraturan-peraturan semasa telah digubal. Ia kemudiannya lahir dalam bentuk akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam.

Antara peruntukan yang terkandung dalam akta dan enakmen tersebut menyentuh tatacara permohonan berkahwin, penetapan umur minimum, penentuan status perkahwinan, perkahwinan dengan kebenaran pendaftar perkahwinan, penentuan tempat perkahwinan, permohonan berpoligami dan pendaftaran perkahwinan. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, peraturan yang digubal adalah untuk kemaslahatan dan kesejahteraan sosial. Adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang bermastautin atau bermukim di mana-mana negeri di negara ini melangsungkan perkahwinan dengan sengaja di luar negeri atau di dalam negeri tanpa mendapat kebenaran pendaftar NCR terlebih dahulu.

Tatacara kini menetapkan suatu perkahwinan yang dijalankan tanpa kebenaran perlu disahkan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah sebelum boleh didaftarkan. Pihak yang terlibat boleh dikenakan denda oleh mahkamah tidak melebihi RM1000.00 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Selepas membayar denda, barulah perkahwinan itu boleh didaftarkan di bawah enakmen undang-undang yang di peruntukan. Sebaliknya sekiranya mahkamah mendapati perkahwinan itu tidak memenuhi keperluan hukum syarak, pasangan tersebut akan difaraskan (dipisahkan) dan penalti tetap akan dikenakan kepada pihak-pihak terlibat.

### **3.1 Keberkesanan Hukuman Penjara**

Berhubung dengan pelaksanaan hukuman ke atas pesalah-pesalah jenayah Syariah dan pesalah di bawah undang-undang keluarga Islam yang dikenakan hukuman penjara, amalan kini mereka lazimnya akan ditempatkan bersama-sama dengan banduan lain memandangkan masih tiada penjara khusus yang disediakan untuk pesalah-pesalah syariah. Ini telah mengakibatkan kesesakan di dalam penjara kerana penjara merupakan tempat untuk menjalani hukuman dan menebus kesilapan tanpa mengira jenis kesalahan yang dilakukan. Tidak dapat dinafikan juga bahawa hukuman penjara, dalam sesetengah keadaan, dapat meninggalkan kesan negatif yang mendalam bukan sahaja ke atas individu terbabit, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Antara kesan negatif yang timbul ialah ia dapat merenggangkan hubungan kekeluargaan, menyukarkan bekas banduan mendapatkan pekerjaan serta menyukarkan bekas banduan diterima dan mendapat tempat dalam masyarakat. Banduan muda yang kurang pengetahuan dan pertama kali dimasukkan ke dalam penjara bagi kesalahan kecil pula dikhuatiri akan terpengaruh dan dipengaruhi oleh banduan lain. Dalam hal ini, Jabatan Penjara Malaysia juga berpandangan bahawa penjara seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah (Mahamad Naser: 2011).

### **3.2 Keberkesanan Hukuman Denda**

Dalam akta dan enakmen kini, hukuman dalam bentuk denda diletakkan dikedudukan pertama. Malah Mahkamah Syariah sendiri mempunyai kecenderungan mengutamakan hukuman *maliyah*

ini berbanding hukuman penjara ataupun sebatan. Namun demikian kini sudah ada banyak suara yang membangkitkan bahawa hukuman denda yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sering dianggap tidak berkesan untuk memberi pengajaran kepada pesalah-pesalah yang sabit kesalahan di bawah undang-undang Syariah mahupun kepada masyarakat. Hukuman denda seringkali dapat diselesaikan oleh pesalah-pesalah yang mempunyai kemampuan untuk membayar kadar denda yang dikenakan tanpa sedikitpun dapat menimbulkan rasa keinsafan dalam diri mereka terhadap kesalahan yang dilakukan. Andaipun hukuman denda tersebut dapat menimbulkan kesedaran, ia hanya melibatkan individu/pesalah itu sendiri tanpa melibatkan peranan sosial masyarakat yang dapat memberikan iktibar kepada mereka secara umumnya (Mahamad Naser: 2011). Bahkan sebahagian besar masyarakat tidak sedarpun akan kewujudan dan pelaksanaan hukuman ke atas pesalah berkenaan melainkan ia disiarkan secara meluas di dalam akhbar dan akhbar itu pula dibaca oleh masyarakat umum.

#### **4. Prospek Hukuman Alternatif**

Hukuman dalam Islam bertujuan untuk menimbulkan rasa keinsafan serta menguji keimanan, ketaatan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Ia berasaskan kepada prinsip-prinsip asas seperti yang berikut:

- (a) Berasaskan panduan Allah dan bukannya hasil pemikiran manusia. Manakala dalam kes-kes yang melibatkan hukuman ta'zir, budi bicara hakim masih tertakluk kepada panduan Al-Quran dan sunnah untuk memastikan kesempurnaan dan keberkesanan hukuman.
- (b) Berteraskan pemeliharaan lima aspek kehidupan iaitu menjaga agama iaitu agama Islam, menjaga nyawa, menjaga akal fikiran, keturunan dan harta benda. Menurut Imam Al-Ghazali, sesuatu yang termasuk dalam penjagaan kelima-lima aspek kehidupan ini dikatakan masalah.
- (c) Menggabungkan hukuman dunia dan hukuman akhirat. Islam tidak hanya bergantung kepada hukuman dunia semata-mata malah memberi penekanan terhadap hukuman akhirat iaitu dalam bentuk amaran yang lebih ketat.

Manakala objektif sesuatu hukuman yang dikenakan ke atas pesalah pula, antara lain bertujuan untuk:

- (a) Mengelakkan pesalah daripada mengulangi kesalahan mereka.
- (b) Memberikan pengajaran kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.
- (c) Melindungi keselamatan dan kepentingan awam termasuk nyawa, akal, keturunan dan harta benda.
- (d) Memelihara maruah dan kedaulatan agama.
- (e) Memberikan hukuman yang setimpal di atas jenayah atau kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pesalah.

##### **4.1 Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Kini**

Di Malaysia, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa bagi perkara-perkara tertentu yang berada di bawah bidang kuasa mal atau bidang kuasa jenayah. Bidang kuasa tersebut termaktub dalam butiran 1, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 Seksyen 2 (Disemak-1988) [Akta 355] adalah terpakai kepada semua mahkamah Syariah di negeri-negeri yang menghadkan kuasa tersebut. Seksyen 2 Akta 355 memperuntukkan:

“Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.”

#### **4.2 Hukuman selain denda, penjara dan sebatan**

Terdapat beberapa peruntukan di dalam akta dan enakmen yang memperuntukan perintah selain denda, penjara atau sebatan. Ia merupakan alternatif yang ada untuk hakim menggunakan budibicaranya.

##### **a) Kuasa mahkamah Syariah berhubung dengan perintah pemulihan**

Berkaitan perintah pemulihan, statut memberikan beberapa ruang kepada mahkamah iaitu:

- i. Kuasa mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan hanyalah terhad kepada kesalahan tertentu seksyen 55 Akta 559.
- ii. Perintah untuk berkelakuan baik seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 128 (pesalah muda) dan seksyen 129 Akta 560 (pesalah kali pertama) .

Seksyen 55 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] mempunyai kuasa untuk mengkomitkan orang yang disabitkan kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 7,8,9 atau 31 Akta tersebut ke pusat pemulihan untuk menjalani apa-apa kaunseling atau pemulihan. Seksyen 55 Akta 559 memperuntukkan kuasa mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan. Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 7, 8, 9 atau 31, mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana

orang sedemikian dikomitkan ke pusat pemulihan diluluskan untuk menjalani apa-apa kaunseling atau pemulihan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.”

#### **b) Bon Jaminan Berkelakuan Baik - Seksyen.128 Akta 560 (Pesalah muda)**

Bagi pesalah-pesalah muda pula, seksyen 128 Akta [Akta 560] memberikan kuasa kepada mahkamah bagi menggantikan apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan untuk mengeluarkan perintah, antara lain, seperti melepaskan pesalah muda tersebut selepas teguran wajar diberikan atau memerintahkan pesalah itu supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

(1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan— (a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh mahkamah; atau (b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130 (a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh mahkamah itu patut diberikan.

(2)Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu atau bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu: Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.

#### **c) Seksyen 129 Akta 560 (Bukan pesalah muda)**



Seksyen 129 Akta 560 menyatakan beberapa bentuk kuasa mahkamah terhadap pesalah bukan kategori pesalah muda iaitu:

Kuasa untuk melepaskan mana-mana orang (bukan seorang pesalah muda) yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan, mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan, adalah suaimanfaat kepada pesalah itu untuk diperintahkan diletakkan dalam cubaan untuk berkelakuan baik

**d) Seksyen 129 (Pesalah kali pertama)**

(1) Apabila mana-mana orang yang bukan seorang pesalah muda telah disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan, maka jika didapati oleh mahkamah itu bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan adalah suaimanfaat bahawa pesalah itu dilepaskan dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik.

Mahkamah boleh, dengan tidak menghukumnya serta-merta dengan apa-apa hukuman, mengarahkan supaya pesalah itu dilepaskan apabila dia mengikat bon dengan penjamin-penjamin dan sepanjang apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir dan menerima penghakiman jika dan apabila dipanggil dan sementara itu hendaklah berkelakuan baik.”

(2) Jika mahkamah yang mempunyai kuasa untuk memperlakukan pesalah itu berkenaan dengan kesalahan asalnya berpuas hati bahawa pesalah itu telah tidak mematuhi mana-mana syarat bonnya, ia bolehlah mengeluarkan suatu waran bagi pemberkasannya.

(3) Mana-mana pesalah apabila diberkas dengan mana-mana waran sedemikian hendaklah, jika tidak dibawa dengan serta-merta ke hadapan mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menghukumnya, dibawa ke hadapan seorang Hakim, dan Hakim itu boleh sama ada menahannya melalui waran sehingga masa dia dikehendaki oleh bonnya untuk hadir bagi penghakiman atau sehingga bersidangnya mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menguruskan kesalahan asalnya, atau boleh membenarkan dia mengikat jamin dengan penjamin yang mencukupi dengan syarat dia hadir bagi penghakiman.

(4) Pesalah itu, apabila ditahan sedemikian, boleh dipenjarakan dan waran tahanannya hendaklah memerintahkan supaya dia dibawa ke hadapan Mahkamah yang di hadapannya dia terikat untuk hadir bagi penghakiman atau untuk memberikan jawapan tentang kelakuannya sejak dia dilepaskan.

**d) Syarat-syarat Pengawasan.**

### **Seksyen 130 - Syarat bon.**

Apabila mana-mana orang dikehendaki oleh mana-mana mahkamah supaya menyempurnakan suatu bon dengan penjamin-penjamin, dan dalam bon itu orang yang menyempurnakannya mengikat dirinya untuk menjaga keamanan atau mengikat dirinya untuk berkelakuan baik, mahkamah boleh menghendaki supaya dimasukkan dalam bon itu satu daripada syarat-syarat yang berikut atau lebih, iaitu –

- i) Suatu syarat bahawa orang itu hendaklah berada di bawah pengawasan seseorang lain yang dinamakan dalam bon itu selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalamnya;
- ii) Apa-apa syarat bagi memastikan apa-apa pengawasan yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan;
- iii) Apa-apa syarat mengenai tempat kediaman, pekerjaan, pergaulan, penjarahan daripada minuman keras atau dadah atau mengenai apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan.

#### **4.3 Bolehkah Perintah Pemulihan diperluaskan?**

Bolehkah kuasa mahkamah diperluaskan untuk mengeluarkan perintah pemulihan kepada semua pesalah yang disabitkan di bawah kesalahan jenayah Syariah, kesalahan di bawah Akta 303 atau undang-undang bertulis lain sebagai suatu hukuman alternatif atau tambahan kepada hukuman sedia atau gabungan kepada hukuman-hukuman tersebut?

Walaupun tajuk seksyen 129 menyebutkan mengenai Pesalah Pertama, namun kandungan seksyen berkenaan sebenarnya tidak terikat kepada pesalah pertama sahaja. Akta 560 adalah undang-undang prosedur umum yang terpakai untuk semua bentuk kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Justeru, seksyen 129 boleh digunakan terhadap semua pesalah (bukan pesalah muda) yang boleh dihukum dengan pemenjaraan.

#### **4.4 Adakah Perintah Pemulihan selaras dengan falsafah hukuman Syariah?**

Perintah pemulihan adalah salah satu bentuk hukuman yang selaras dengan prinsip asas dan objektif hukuman dalam Islam. Ia bertujuan untuk menjaga masalah manusia dan merupakan suatu bentuk hukuman yang bukan hanya dapat menghukum pesalah tetapi merupakan suatu bentuk pendidikan dan proses tarbiyyah diri. Bentuk hukuman yang dibuat melalui perintah pemulihan seperti ini merupakan suatu pendekatan yang baik dan murni dan amat penting dalam usaha untuk menimbulkan rasa keinsafan dan kesedaran diri yang tinggi di kalangan pesalah-pesalah supaya tidak lagi mengulangi untuk melakukan kesalahan. Perintah pemulihan yang dicadangkan ini adalah suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sebagai suatu hukuman alternatif atau tambahan kepada hukuman sedia ada. Penguatkuasa dan Pendakwa Syarie atau pesalah sendiri boleh memohon kepada Hakim untuk mengeluarkan perintah pemulihan di bawah s. 129 Akta 560 sebagai hukuman alternatif atau tambahan kepada hukuman

sedia ada di bawah undang-undang kesalahan syariah, undang-undang keluarga Islam dan lain-lain undang-undang di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah bertepatan dan mengikut kehendak hukum Syarak. Pemulihan tersebut bukanlah bermaksud menghantar pesalah ke tempat-tempat pemulihan tetapi boleh juga aktiviti pemulihan dalam bentuk lain yang dapat memberi kesedaran.

#### **4.5 Manfaat Perintah Pemulihan**

Menurut prinsip hukuman dalam Islam, suatu hukuman alternatif seperti hukuman untuk menjalani pemulihan ini boleh dikategorikan sebagai hukuman takzir. Bentuk hukuman tersebut amat luas. Ia boleh diputuskan oleh hakim terhadap seseorang yang melanggar undang-undang dan ia adalah tertakluk kepada panduan daripada Al-Quran dan sunnah. Antara manfaat yang dapat diperolehi daripada pelaksanaan perintah pemulihan sebagai hukuman alternatif, tambahan atau gabungan kepada hukuman yang sedia ada ke atas pesalah-pesalah jenayah Syariah ialah—

##### **a) Ruang untuk menginsafi diri**

Memberi ruang kepada pesalah-pesalah untuk memperbaiki diri supaya menjadi warga yang patuh terhadap undang-undang dan hukum Syarak. Pesalah-pesalah yang menjalani perintah pemulihan akan diberi bimbingan untuk membentuk akidah dan sahsiah diri yang mantap melalui program-program keinsafan yang ditentukan. Program-program yang berbentuk kerohanian seperti menghadiri ceramah, solat jemaah, khidmat di rumah rumah-rumah kebajikan dan khidmat sosial yang lain merupakan antara cadangan program yang diharap dapat memberi kesedaran secara semula jadi.

##### **b) Dapat meningkatkan fungsi institusi agama Islam, institusi kebajikan dan masyarakat lainnya untuk proses pemulihan**

Penglibatan anggota masyarakat dalam proses pemulihan pasti dapat meningkatkan rasa tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat. Sebagai contoh, imam-imam serta ahli jawatankuasa masjid yang dilantik dan diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri dapat membantu dan berganding bahu dalam memberikan komitmen terhadap proses pemulihan pesalah-pesalah syariah. Ini secara tidak langsung akan dapat mendekatkan pesalah-pesalah dengan anggota masyarakat melalui kerja sosial yang dijalankan.

##### **c) Tugas dan tanggungjawab seharian pesalah tidak terjejas**

Dalam tempoh menjalani pemulihan menerusi aktiviti kemasyarakatan yang telah ditetapkan oleh mahkamah, pesalah-pesalah juga boleh meneruskan kehidupan untuk bekerja bagi menyara diri serta keluarga. Secara psikologinya, hukuman ini dapat mengelakkan timbulnya tekanan perasaan bahawa mereka akan kehilangan pekerjaan akibat daripada hukuman yang diterima. Secara tidak langsung, keluarga mereka juga tidak akan terabai disamping tidak akan merasa tertekan akibat rasa tersisih daripada masyarakat.

## Kesimpulan

Kesan perkahwinan tanpa kebenaran dengan warga asing tidak boleh dipandang ringan. Ia melibatkan kesan langsung kepada individu, keluarga, masyarakat dan Negara. Justeru, langkah perundangan adalah salah satu kaedah yang boleh diperkembangkan. Kertas ini melihat bahawa hakim Mahkamah Syariah mempunyai ruang untuk mengenakan hukuman alternatif kepada pesalah kes-kes kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran dengan warga asing. Ia boleh dijadikan sebagai hukuman utama ataupun perintah tambahan. Dengan kurangnya keberkesanan hukuman dalam bentuk lazim seperti denda ataupun penjara, maka pendekatan lain amat wajar di cuba untuk menangani kes-kes sedemikian dari terus bertambah dari tahun ke tahun dan menimbulkan masalah-masalah hiliran yang lain.

## Penghargaan:

Penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kelulusan projek ERGS/1/2012/SSI 10/UKM/02/2 yang membiayai kajian penerokaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah

## Rujukan

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560)

Hukuman Pesalah Syariah Ringan? *Utusan Malaysia*, 12 Sep 2011

Intan Ghulam Khan et. al. 2012. *Nikah Sendiket Di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

Laporan Pendengaran Suruhanjaya DiRaja (RCI) Mengenai Pendatang Haram Sabah. *Berita Harian*, 23 Mei 2013

Mahamad Ariffin. 2007. *Kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaiannya*. Dlm. Najibah Mohd Zin et al. *Undang-undang Keluarga (Islam)*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mahamad Naser Disa. 2011. *Perintah Pemulihan Sebagai Hukuman Alternatif Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Kertas Seminar Pendakwaan Syariah, Bhg. Pendakwaan JAIS.

Mohd Naim Mokhtar. 2014. *Mahkamah Jenayah Syariah*. Kertas Kerja Dialog Kinabalu Mengenai Isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan Undang-undang Kesalahan Syariah di Malaysia. JHEAINS, JAKIM & UMP.

Mohd Nasran Mohamad et.al. 2008. *Perkahwinan Luar Negara Tanpa Kebenaran Di Selatan Thailand*. Bangi: FPI UKM.

Peningkatan Nikah Campur Membimbangkan. *Berita Harian*, 16 Mac 2012

Persediaan Mental dan Spiritual Penting Jika Ingin Nikah Warga Asing. *Bernama*, 1 Feb 2008

Raihanah Hj. Azahari. 1997. Kuasa Wali Mujbir: Satu Penilaian. *Jurnal Syariah* (5)2.